

Abu Al-'Aaliah Tidak Suka Menggunakannya. 'Atha' Berkata: "Bertayamum Lebih Aku Suka Daripada Berwudhu' Menggunakan Nabiz Dan Susu."¹⁴²

٢٣٥ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّ شَرَابٍ أَسْكُرَ فَهُوَ حَرَامٌ

235 - 'Ali bin 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: Az-Zuhri meriwayatkan kepada kami daripada Abi Salamah daripada 'Aaisyah r.a, daripada Nabi s.a.w. Beliau bersabda: "Setiap minuman yang memabukkan adalah haram."¹⁴³

٧٢- بَابُ غَسْلِ الْمَرْأَةِ أَبَاهَا الدَّمَ عَنْ وَجْهِهِ وَقَالَ أَبُو الْعَالِيَةِ امْسَحُوا عَلَى رِجْلَيْ فَاتِمَا مَرِيضَةً

Bab: Perempuan Membasuh Darah Dari Muka Ayahnya. Abu Al-'Aaliah Berkata: "Kamu Sapuluh Kakiku Kerana Ia Sakit."¹⁴⁴

rendaman buah kurma kering), ia tidak boleh digunakan untuk bersuci. Inilah mazhab Imam Bukhari, Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama'. Dengan bab ini juga Bukhari secara terang-terangan menolak pendapat golongan yang mengatakan boleh berwudhu' atau bersuci dengan nabiz. Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah Imam Abu Hanifah, Hasan, Al-Auza'i, Ishaq, 'Ikrimah dan lain-lain.

¹⁴² Atsar Hasan Al-Bashri telah diwashalkan (dikemukakan dengan sanad yang lengkap) oleh Ibnu Abi Syaibah, 'Abdur Razzaq dan Abu 'Ubaid. Atsar Abu Al-'Aaliah (Rufai' bin Mihran) diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Abu 'Ubaid dan juga Daraquthni di dalam Sunannya dengan sanad yang baik. Atsar 'Athaa' pula telah diwashalkan oleh Abu Daud.

¹⁴³ Hadits inilah yang menjadi asas bagi tajuk yang dikemukakan oleh Bukhari. Ini kerana wudhu' atau perbuatan bersuci adalah satu 'ibadat. Oleh itu mana boleh sesuatu 'ibadat dikerjakan dengan menggunakan benda-benda yang haram. Walaupun nabiz asalnya tidak memabukkan (بالفعل), kerana itulah ia boleh diminum dan dikira suci tetapi ia mempunyai kemampuan untuk memabukkan (بالقوة). Maka keadaannya berbeza sama sekali dengan air biasa yang jika dibiarkan selama mana sekalipun, ia tetap tidak memabukkan.

¹⁴⁴ Bab ini bertujuan menjelaskan hukum seseorang mendapat bantuan orang lain dalam mengangkat hadats dan membersihkan najis atau kotoran di tubuhnya. Jika perlu seseorang itu boleh meminta tolong daripada orang lain agar membasuh mana-mana anggota wudhu'nya ataupun kesemua anggota wudhu'nya. Sebabnya ialah jika seseorang boleh mendapat bantuan orang lain dalam membersihkan najis atau kotoran di tubuhnya tentulah boleh juga dia mendapat bantuan orang lain dalam berwudhu' yang merupakan 'ibadat yang mendatangkan pahala. Atsar Abu Al-'Aaliah ini telah diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan 'Abdur Razzaq di dalam Mushannaf mereka masing-masing.

٢٣٦ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ يَعْنِي ابْنَ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ أَبِي حَازِمٍ سَمِعَ سَهْلَ بْنَ سَعْدٍ السَّاعِدِيَّ وَسَأَلَهُ النَّاسُ وَمَا بَيْنِي وَبَيْنَهُ أَحَدٌ بِأَيِّ شَيْءٍ دُوي جُرْحُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا بَقِيَ أَحَدٌ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي كَانَ عَلَيَّ يَجِيءُ بِرُسِهِ فِيهِ مَاءٌ وَقَاطِمَةٌ تَغْسِلُ عَنْ وَجْهِهِ الدَّمَ فَأَخَذَ حَصِيرًا فَأَحْرَقَ فَخُشِيَ بِهِ جُرْحُهُ

236 - Muhammad, iaitu Ibnu Salam meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan bin 'Uyainah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hazim, dia mendengar Sahl bin Sa'ad Al-Saa'idi ketika ditanya orang. (Kata Abu Hazim) Ketika itu tidak ada sesiapa pun di antara aku dan dia. "Dengan apakah luka Rasulullah s.a.w dirawat?" Beliau berkata: "Tiada siapa pun dikalangan sahabat yang tinggal (masih hidup) lebih mengetahui tentangnya daripada saya.¹⁴⁵ 'Ali membawa air dengan perisainya, Fathimah pula membasuh darah dari mukanya s.a.w. Selepas itu diambil tikar lalu dibakar. Dengan (abu) tikar yang dibakar itulah luka baginda s.a.w diisikan (dirawat)."¹⁴⁶

٧٣ - بَابُ السَّوَالِ وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَنْ

73 - Bab: Memberus Gigi. Ibnu 'Abbaas Menceritakan: "Aku Bermalam di Rumah Nabi s.a.w, Beliau Memberus Gigi."¹⁴⁷

¹⁴⁵ Sebabnya Sahal bin Sa'ad berkata begini ialah kerana peristiwa Rasulullah s.a.w mendapat luka itu berlaku di dalam peperangan Uhud dan ia telah berlaku lebih lapan puluh tahun daripada waktu beliau ditanya tentangnya. Sahal adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang terakhir mati di Madinah. Beliau wafat pada tahun 91H ketika berumur seratus tahun. Para 'ulama' hadits telah meriwayatkan seratus tiga puluh lapan hadits daripada beliau. Imam Bukhari meriwayatkan daripada beliau di dalam Sahihnya ini sebanyak tiga puluh sembilan hadits.

¹⁴⁶ Antara pengajaran yang dapat diambil daripada hadits ini ialah (1) Seseorang perempuan boleh bersentuh-sentuhan kulit dengan ayah dan mahramnya yang lain (2) Dia boleh merawat orang-orang yang sakit di kalangan mereka (3) Hadits ini merupakan salah satu bukti tentang keharusan dan keperluan berubat. Jika Nabi s.a.w sendiri telah berubat apabila mendapat luka, maka orang-orang lain lebih-lebih lagilah memerlukannya (4) Ia juga menunjukkan keharusan berubat menggunakan abu tikar untuk menghentikan pendarahan (5) Keparusan mendapat rawatan daripada orang lain (6) Hadits ini juga membuktikan para nabi a.s juga diuji Allah dengan pelbagai ujian seperti orang-orang lain malah kadang-kadang lebih teruk lagi daripada orang-orang lain. Semua itu berlaku supaya mereka mendapat ganjaran yang istimewa di akhirat nanti dan umat pula lebih bersabar apabila menghadapi ujian Allah selain menyedarkan pengikut-pengikut mereka bahawa para nabi itu bukan Tuhan tetapi manusia (7) Berubat tidak bertentangan dengan sifat tawakkal yang ada pada seseorang (8) Elok bertanya orang yang benar-benar mengetahui tentang sesuatu jika kita tidak mengetahui tentangnya.

¹⁴⁷ Kebanyakan 'ulama' berpendapat memberus gigi adalah sunat. Tetapi adakah ia termasuk di dalam sunat wudhu' atau sunat sembahyang? Dalam hal ini mereka nampaknya berbeza pendapat. Dengan mengemukakan bab ini di dalam Kitab At-Thaharah di samping dua hadits di bawahnya, dapat difahami bahawa Imam Bukhari berpendapat berus gigi adalah sunat wudhu' bukan sunat sembahyang.

٢٣٧ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ غَيْلَانَ بْنِ جَرِيرٍ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدْتُهُ يَسْنُ بِسِوَاكِ يَدِهِ يَقُولُ أَعْغِ السِّوَاكَ فِيهِ كَأَنَّهُ يَهْوَعُ

237 - Abu Al-Nu'man meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ghailan bin Jarir daripada Abi Burdah daripada ayahnya, katanya: "Saya pergi kepada Nabi s.a.w. Saya dapati beliau sedang memberus gigi dengan kayu sugi di tangannya, sambil membunyikan "uk, uk". Ketika itu kayu sugi ada di mulutnya. Semacam beliau hendak muntah (dengan membunyikan begitu)."

٢٣٨ - حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنصُورٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ حُذَيْمَةَ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَشُوصُ فَاهُ بِالسِّوَاكِ

238 - 'Utsman bin Abi Syaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir meriwayatkan kepada kami daripada Manshur daripada Abi Wa'il daripada Huzaifah, katanya: "Nabi s.a.w membersihkan mulutnya dengan sugi apabila bangun pada waktu malam."

٧٤ - بَابُ دَفْعِ السِّوَاكِ إِلَى الْأَكْبَرِ وَقَالَ عَفَّانُ حَدَّثَنَا صَحْرُ بْنُ جُوَيْرِيَةَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَرَانِي أُسْوِكُ سِوَاكَ فَجَاءَتْنِي رَجُلَانِ أَحَدُهُمَا أَكْبَرُ مِنَ الْآخَرِ فَتَاوَلْتُ السِّوَاكَ الْأَصْغَرَ مِنْهُمَا فَيَقِيلُ لِي كَبْرُ فَدَفَعْتُهُ إِلَى الْأَكْبَرِ مِنْهُمَا قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ اخْصِرْهُ نَعِيمٌ عَنْ ابْنِ الْمُبَارَكِ عَنْ أُسَامَةَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ

74 - Bab: Memberikan Berus Gigi Kepada Orang Yang Lebih Tua.¹⁴⁸ `Affaan berkata: Shahr Bin Juwairiah Meriwayatkan Kepada Kami

¹⁴⁸ Tujuan Imam Bukhari mengemukakan bab ini ialah untuk menyatakan kelebihan berus gigi dan kedudukannya pada pandangan Syara'. Sepintas lalu berus gigi kelihatan remeh dan kecil. Tetapi jika dilihat kepada kepentingannya dari sudut kesihatan dan kelebihannya dari sudut keagamaan, maka dapatlah diputuskan bahawa berus gigi adalah sesuatu yang besar ertinya dalam kehidupan manusia. Sudah menjadi kebiasaan Nabi s.a.w memberikan kepada orang-orang tua atau dewasa sesuatu yang layak dengan mereka dan memberikan kepada kanak-kanak sesuatu yang juga sesuai dengan mereka. Pada mulanya beliau fikir berus gigi hanya sesuai diberikan kepada kanak-kanak kerana ia sesuatu yang kecil dan remeh, mungkin tidak sesuai diberikan kepada yang lebih tua. Tetapi setelah ditegur Jibra'il, barulah diketahui kelayakan berus gigi untuk diberikan kepada orang yang lebih tua justeru pada hakikatnya ia adalah sesuatu yang besar bukan remeh. Selain itu Bukhari juga mahu mengemukakan salah satu contoh bagi sesuatu yang kotor pada pandangan ramai ('uruf, terutamanya berus gigi yang telah dipakai seseorang), tetapi suci dan bersih menurut Syara'.